

Gejala sosial di sekolah sebagai kesan sampingan pembangunan dan cara mengatasi: pengalaman pengamal ilmu bela diri

Abdul Majid Ismail¹ & Roziah Abdullah²

¹Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan (USM)

²Fakulti Teknologi & Sains Maklumat (UKM)

abmajid@usm.my & roziah62@hotmail.com

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dengan pesat untuk mencapai wawasan sebuah negara maju. Pembangunan yang terlalu pesat demi mengejar kemajuan teknologi ini juga telah menyebabkan kita menumpukan terlalu banyak masa dan tenaga kepada kegiatan ekonomi atau kemewahan yang tanpa kita sedari telah mengurangkan tumpuan terhadap pembangunan sahsiah dan moral. Salah satu cabaran yang sama-sama kita hadapi dewasa ini ialah kesan sampingan hasil ledakan kemajuan teknologi maklumat dan kelekakan kita dengan kegiatan pembangunan fizikal. Kesan sampingan ini termasuklah keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat yang melibatkan semua peringkat dan golongan terdiri daripada orang dewasa hinggalah peringkat kanak-kanak sekolah. Pada era kemajuan pengetahuan (*knowledge*) dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), gejala sosial bukan sahaja masih merupakan satu isu yang kekal membelenggu kita malahan semakin rumit untuk dibenteras dengan tersebar luasnya sumber secara haram dan sulit menerusi kaedah yang sukar untuk dikawal. Pada peringkat sekolah, gejala yang masih dihadapi oleh pihak pentadbiran antara lain ialah masalah ponteng sekolah dan ponteng kelas (mata pelajaran tertentu) merupakan masalah utama yang secara umumnya dihadapi oleh semua sekolah harian. Masalah ponteng sekolah tidak boleh dipandang ringan kerana ia membawa ke arah penyakit sosial seperti penglibatan dalam jenayah, kumpulan haram dan pelacuran.

Selain masalah ponteng, sesetengah sekolah turut menghadapi masalah vandalisme, ala gangsterisme, paras ugut dan juga masalah merokok di kalangan pelajar-pelajar remaja. Malah terdapat segelintir pelajar yang terlibat dalam salah-laku yang lebih berat seperti perhubungan seks secara bebas dan rambang termasuk bertindak sebagai GRO di kelab-kelab karaoke. Tanggungjawab yang berat diamanahkan kepada semua pendidik untuk memastikan anak-anak didik tidak melakukan kesalahan tingkah laku ini. Dalam mencari penyelesaian bagi mengelak serta mengatasi masalah yang tersebut ini, aktiviti ko-kurikulum merupakan satu wahana bagi pembentukan sahsiah murni dan seni ilmu bela diri merupakan salah satu cabang ko-kurikulum yang wujud di sekolah.

Sebenarnya remaja khususnya remaja Melayu merupakan kumpulan terbesar terjebak dalam pelbagai jenis salah laku pada peringkat sekolah, ini bukan kerana faktor bangsa tetapi lebih kepada faktor golongan majoriti di sekolah dan bergantung kepada demografi sesebuah sekolah.

Punca salah laku pelajar

Menurut Khazali (1992), antara punca masalah ponteng sekolah adalah terletak di atas diri sendiri iaitu kenakalan remaja, latar belakang keluarga yang penuh dengan krisis, unsur-unsur hiburan yang terdapat di luar sekolah, rasa rendah diri kerana lemah dalam pelajaran, dan disiplin yang longgar di rumah.

Menurut Naemah (1998), faktor dalaman bagi salah laku antaranya disebabkan oleh kehilangan sahsiah atau jati diri. Menurut laporan kajian Prof Madya Dr. Halimah dalam kajian ke atas remaja Melayu Islam di Selangor, 96% tidak berminat untuk belajar, 85% tiada kesedaran untuk belajar, 84% suka membuang masa di sekolah, 72% tidak suka membaca, 78% tidak mempunyai kaedah belajar yang betul (Utusan Malaysia, 28 Oktober 1995).

Kehidupan remaja penuh dengan keseronokan kepada aktiviti yang merugikan seperti kegemaran kepada muzik tanpa batasan menghabiskan wang dan tenaga ke arah kesukaan yang tidak jelas matlamatnya; terpengaruh dengan budaya yang tidak menghargai kepentingan masa, melakukan aktiviti melepak, menonton televisyen tanpa batasan, dan terpengaruh dengan nilai kebendaan.

Faktor luaran termasuklah pengaruh daripada rakan sebaya, pengaruh media massa yang menonjol dan memperagakan ciri-ciri yang tidak menepati prinsip dan pegangan agama Islam baik dari aspek hiburan, budaya dan pakaian, dan kewujudan pusat-pusat hiburan yang terdapat di kawasan persekitaran ini termasuklah *cybercafe* yang menyediakan ruang untuk pelajar melayari laman-laman web yang mengandungi unsur-unsur pornografi.

Pada pengamatan penulis di kalangan pelajar yang bermasalah ponteng sekolah, faktor utama ialah kepincangan institusi kekeluargaan khususnya di kalangan kaum Melayu. Remaja Melayu dari keluarga yang pincang seperti berlakunya penceraian antara ibu bapa, kewujudan ibu atau bapa tiri yang tidak memahami diri remaja menyebabkan pelajar memonteng sekolah untuk menarik perhatian ibu bapa serta guru-guru di sekolah. Tidak kurang juga pelajar ponteng kelas kerana bencikan seseorang guru. Pendidik sebagai orang

yang paling lama berdepan dengan pelajar pada setiap hari perlu memberi ruang untuk mendampingi pelajar sebagai seorang insan yang mempunyai perasaan dan perlu diberi perhatian. Sebenarnya ramai di kalangan ibu bapa tersilap langkah apabila mereka berpendapat anak yang semakin membesar kurang memerlukan perhatian mereka. Pada hakikatnya anak-anak remaja memerlukan satu idola dari pasangan ibu bapa sebagai orang yang mereka akan teladani dan hormati dalam pencarian identiti diri. Apabila wujud lopongan ini, remaja akan tercari-cari dan mudah terikut-ikut dengan idola palsu.

Peranan ilmu seni bela diri dalam mengatasi masalah salah laku

Persoalannya, bagaimanakah seni ilmu bela diri dapat membantu mengatasi masalah gejala sosial pada peringkat sekolah? Pengalaman sebagai guru disiplin dan pengamal silat telah memberi satu perspektif yang realistik terhadap masalah yang sering dihadapi oleh para remaja pada peringkat belasan tahun. Anak-anak remaja mahukan perhatian di samping kebebasan untuk membuat pilihan. Mereka adalah kumpulan pertengahan yang terperangkap antara zaman kanak-kanak dan perubahan fizikal ke arah kedewasaan.

Ilmu bela diri seperti Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia merupakan salah satu pertubuhan yang telah memainkan peranan dalam mengatasi masalah di kalangan remaja. Sebagai salah satu ilmu seni bela diri bangsa Melayu yang asli, semua pengamal seni bela diri ini perlu akur dengan pantang-larang dan telah mengikat janji untuk menghormati guru, tidak menderhakai kedua ibu dan bapa, tidak bergaduh sesama ahli persatuan serta tidak mencaci seni bela diri Melayu lain (PSSCM, 1987).

Sebagai seorang guru lembaga disiplin di sebuah sekolah campur dengan berbagai-bagai kaum, Melayu, Cina, India dan anak pendatang asing, guru menghadapi pelajar daripada pelbagai bentuk latar belakang keluarga. Sebagai seorang pengamal ilmu persilatan, mengguna kekerasan bukanlah merupakan jalan penyelesaian yang terbaik. Sebaliknya kekerasan akan mencetus pula perasaan dendam di kalangan pelajar yang perlu didisiplinkan. Anak-anak didik yang nakal merupakan golongan sasaran yang perlu diajak untuk mengamal ilmu bela diri. Semua pelajar mempunyai potensi untuk berjaya sekiranya disemaikan dalam diri mereka dengan matlamat hidup yang penting. Sebagai pendidik saya amat tertarik kepada golongan pelajar dari kalangan kelas yang biasanya rakan-rakan setugas labelkan "pelajar bodoh sombong". Pelajar-pelajar ini merupakan sasaran yang perlu dibentuk sahsiah yang murni.

Aktiviti ko-kurikulum seperti seni ilmu bela diri merupakan satu wahana untuk remaja mencurahkan dan mengalirkan tenaga kepada sesuatu yang berfaedah. Aktiviti persilatan merupakan satu bentuk riadah yang selain membentuk tubuh badan yang sihat, telah berjaya menanamkan disiplin diri pelajar. Untuk berjaya dalam ilmu-persilatan, pelajar pada peringkat awal lagi telah terikat dengan pantang larang yang diterapkan sebagai tunggak pembentukan peribadi mulia.

Pantang larang pertama dalam Seni Silat Cekak Malaysia ialah tidak boleh derhaka kepada guru. Dalam konteks ini, anak-anak didik yang menjadi pengamal silat telah diasuh untuk menghormati guru-guru mereka baik guru silat mahupun guru akademik pelajaran di sekolah. Konsep guru dalam Silat Cekak adalah universal iaitu untuk berjaya dalam pelajaran, pelajar dididik untuk menghormati semua guru tidak kira rupa dan ras guru tersebut. Seni Silat Cekak Malaysia menyemaikan fahaman pada guru ada berkat. Konsep "berkat" ini ternyata dalam pantun Cekak berikut:

*"Taat kepada Guru membawa berkat
Sedikit belajar banyak yang dapat
Jika menderhaka menjadi mudarat
Semua ilmu tiada yang lekat"* (PSSCM, 1990)

Berkat tunjuk ajar serta doa guru-guru akan membuahkan kejayaan kepada pelajar. Pada pengamatan saya, anak-anak didik yang pada mulanya memang nakal, tetapi apabila terlibat dan mengamalkan Seni Silat Cekak Malaysia telah berjaya dibentuk peribadi mereka untuk menjadi pelajar yang lebih baik dalam ertikata tidak mengganggu guru dan lebih memberi perhatian semasa guru mengajar di dalam kelas. Anak-anak didik yang suka ponteng kelas juga dapat dibendung dari memonteng kelas apabila diterapkan dengan pantang-larang tidak boleh derhaka kepada guru.

Pantang larang seterusnya tidak boleh derhaka kepada ibu dan bapa. Hasil dari pantang larang ini, anak-anak remaja yang bersifat memberontak (*rebellious*) telah dibentuk untuk menghormati kedua-dua ibu bapa mereka. Penekanan terhadap perkara ini terkandung dalam rangkap Pantun Cekak yang berikut:

*"Dua ibu bapa tak boleh derhaka
Besar jasanya kepada kita
Kalau derhaka bahaya menimpa
Di akhirat kita masuk neraka"* (PSSCM, 1990)

Dalam satu kes, seorang pelajar lelaki yang sering bergaduh dan bertumbuk dengan bapanya telah berjaya diperbetulkan sikapnya. Pelajar ini berubah dari seorang yang mudah melenting kepada seorang pelajar yang lebih rasional apabila berdepan dengan bapanya. Pelajar ini kini telah menjadi anak contoh kepada adik-adiknya sehingga ibu bapa pelajar membenarkan tiga orang adiknya untuk mempelajari Seni Silat Cekak kerana ibu bapa pelajar ini telah dapat dengan sendirinya melihat perubahan dan kebaikan hasil dari disiplin yang disemaikan dalam pengamal Seni Silat Cekak. Seni Silat Cekak Malaysia mengajar pelajar untuk memohon restu kedua-dua ibu bapa untuk setiap tindakan yang mereka hendak lakukan supaya membuahakan kejayaan dengan berkat doa ibu-bapa pelajar.

Pantang larang "tidak boleh bergaduh sesama ahli" telah memperlihatkan kesatuan dan kerjasama antara pelajar-pelajar yang mengamalkan ilmu seni bela diri ini. Anak-anak remaja yang mudah bertindak agresif apabila dirinya rasa tercabar telah berjaya dibentuk untuk lebih berdaya tahan terhadap kritikan rakan-rakan. Selain dari pantang larang ini, mata pelajaran Seni Silat Cekak sendiri menitik beratkan, 99% pertahanan, iaitu pelajar tidak diajar untuk menyerang musuh sebaliknya yang dititikberatkan pada peringkat asas hingga kepada peringkat tamat adalah menangkis serangan dari musuh (Hanafi, 1973; Abdul Majid, 1998). Pelajar ditunjukkan cara menyerang hanya selepas mereka telah tamat mata pelajaran Silat Cekak. Ini secara langsung melatih pelajar untuk bersifat sabar dan toleransi dengan orang lain.

Pantang larang seterusnya "tidak boleh mencaci seni silat Melayu asli", telah membudayakan sifat sayang kepada sesama Melayu. Walaupun Seni Silat Cekak Malaysia adalah satu ilmu bela diri yang boleh digunakan dalam pentempuran ataupun pergaduhan, namun pelajar yang mengamalkan Seni Silat Cekak dididik untuk mengelakkan pergaduhan khasnya sesama kaum. Pelajar dibentuk sifat kasihan kerana natijah keputusan sesuatu buah silat itu akan membawa kepada tiga hasil muktamad; iaitu sama ada musuh itu akan jatuh pengsan, patah anggota badan atau menemui maul. Maka hasil dari kesedarannya, anak-anak didik yang mengamalkan Seni Silat Cekak Malaysia terdidik dengan sifat belas kasihan kepada musuh ataupun lawan dan seboleh-bolehnya mengelakkan diri dari berlakunya pergaduhan. Anak-anak yang pada mulanya nakal dan suka mencabar pelajar lain telah berjaya dibendung kenakalan mereka atas kesedaran dan perasaan bertanggungjawab ke atas setiap tindakan yang mereka lakukan. Ini merupakan satu sifat jati diri yang mulia yang dapat disemai hasil dari menuntut ilmu bela diri ini.

Anak-anak gadis yang mengamalkan Seni Silat Cekak Malaysia juga didapati kekal dengan kelembutan sebagai seorang gadis Melayu (RoZIAH, 2002). Ilmu bela diri ini tidak memerlukan kekuatan fizikal untuk para pengamalnya, kerana kesenian silat ini ialah ia hanya menumpang kekuatan musuh yang menyerang untuk menangkis dan mematahkan serang lawan (Hanafi, 1976). Ramai di kalangan ibu bapa pada mulanya merasa takut untuk membenarkan anak perempuannya menyertai mana-mana pertubuhan ilmu bela diri kerana dikhuatiri anak-anak daranya akan menjadi kasar. Namun setelah diberi penjelasan, mereka tidak keberatan sekiranya anaknya menyertai Seni Silat Cekak Malaysia. Hal ini terbukti dengan ramainya bilangan pelajar wan ita yang turut menyertai silat ini di IPT khususnya di USM (PSSCMUSM, 1998).

Pelajar-pelajar yang telah mengikuti dan mengamalkan Seni Silat Cekak juga dapat memahami dengan lebih jelas konsep sayang akan diri daripada sebelumnya. Konsep sayang akan diri dan nyawa (roh) serta penerapan semula nilai positif perlu kaedah yang bersesuaian dengan jiwa para remaja dan tidak pula menyinggung jiwa orang dewasa. Kaedah atau pendekatan yang kurang sesuai akan menyebabkan segala input akan ditolak atau ia tidak dapat menembusi benteng hawa nafsu. Penerapan konsep sayang akan diri ini perlu kefahaman terhadap konsep kejatian dan ketahanan diri. Berdasarkan pengalaman saya berkecimpung dengan Silat Cekak, terdapat banyak elemen pendidikan diri yang amat tinggi nilainya dalam silat ini. Elemen-elemen ini ada yang telah tersurat seperti mana termaktub di dalam pantang larang dan adat istiadat persilatan, perlembagaan PSSCM dan peraturan-peraturan bertulis Lembaga Pelajaran & Tatatertib PSSCM. Terdapat juga elemen yang tersirat yang diterapkan secara tidak langsung menerusi kaedah pengajaran dan pembelajaran, pergaulan guru dan murid, contoh dan teladan para pemimpin dan bimbingan serta didikan guru-gurunya (Abdul Majid, 2002). Pendekatan yang dikemukakan oleh Silat Cekak ini berupaya mendidik para remaja mengenali jati diri yang sebenarnya dan seterusnya menjadikan mereka menghargai dan bertanggungjawab untuk menjaga kurniaan Allah yang ada pada diri mereka. Ramai para remaja di IPT yang menceburi silat ini khususnya berjaya merubah perspektif diri daripada alpa terhadap nilai warisan ketimuran yang baik dan terjerumus dengan budaya negatif kepada perspektif baru, menyayangi diri, dan budayanya sehinggakan menjadi nilai tambah kepada kecemerlangan akademik yang sememangnya menjadi harapan setiap warga IPT.

Kesimpulan

Pembangunan fizikal yang terlalu pesat tanpa diimbangi dengan pembangunan sahsiah dan agama memang secara tidak disedari menjadi salah satu punca kepada masalah sosial

negara. Penjelasan yang telah diberikan memberi gambaran betapa elemen gejala sosial di kalangan remajakhususnya di sekolah dan di IPT berupaya ditangani menerusi pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia. Pendekatan yang diterapkan menerusi pantang larang, sukatan pelajaran yang mantap dan contoh secara tidak langsung menerusi pergaulan yang baik dapat menjinakkan anak-anak dan remaja yang sedang terjebak di dalam kancah gejala negatif yang merugikan anak bangsa kita. Pengalaman yang dilalui oleh guru dan pendidik yang mengamalkan ilmu bela diri khususnya Silat Cekak Malaysia walaupun kecil sumbangannya tetapi terbukti berjaya menyelesaikan sebahagian masalah disiplin yang agak rumit untuk diatasi. Maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa anak-anak remaja yang mengamalkan aktiviti ko-kurikulum seperti Seni Silat Cekak Malaysia telah berjaya dilatih untuk mengelakkan salah tingkah laku sosial, bersifat penyabar, lebih berdaya tahan terhadap cabaran dan kritikan di samping membina keyakinan diri. Strategi memerangi masalah sosial remaja di dalam negara yang pesat membangun seperti negara kita ini perlu diatur bukan hanya menerusi kawalan undang-undang tetapi menerusi kerjasama erat pihak berwajib dan pihak NGO agar ia lebih berkesan dan bersepadu.

Rujukan

- Abdul Majid Ismail. "Pendekatan Ilmiah Dalam Seni Silat Cekak". *Pangfima*. Edisi 1.1998. ms. 50-55.
- Abdul Majid Ismail. Penerapan Jati Diri Melalui Ilmu Bela Diri: Pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ke~a Sosial 2002, Anjuran Sekolah Pembangunan Sosial UUM, Hotel Legend Kuala Lumpur, 13 -15 Ogos 2002.
- Hanafi Hj.Ahmad. "Seni Silat Cekak Malaysia". Kertas Kerja Konvensyen Seni Silat Melayu Pertama. DKA. Universiti Sains Malaysia. 1973.
- Hanafi Hj. Ahmad. "Seni Silat", *Suara Cekak*. Bi1.2. 1976. ms. 35 - 40.
- Khazali Ismail. Modifikasi tingkah laku : mengurangkan tingkah laku ponteng sekolah di kalangan pelajar sekotah menengah dengan menggunakan kontrak. Kajian Ilmiah: Fakulti Sains Kemasyarakatan, UKM 1992.
- Naemah Ibrahim. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: peranannya dalam menangani masalah gejala sosial remaja Islam. Kajian Ilmiah : Fakulti Pengajian Islam, UKM. 1998.
- Utusan Malaysia. 28 Oktober 1995. Kajian ke atas remaja Melayu Islam di Selangor, oleh Prof Madya Dr. Halimah.
- PSSCM. Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. *PSSCM*. 1997. PSSCM. Silat Cekak Dalam Suku Abad. *PSSCM*.1990.
- PSSCMUSM. "Perangkaan Bilangan Ahli". *Pangfima*. Edisi 1.1998 ms. 25 - 30.
- Roziah Abdullah. "Peranan Wanita Dalam Cekak Sebagai Isteri, Ibu dan Ahli Akademik". Kertas Kea Seminar Penghayatan Cekak 3, Experimental Hall UIAM, 23 September 2002. Telah diterbitkan dalam Berita Cekak. Bil. 1. Ois.2002. ms. 6 - 7. dan bersambung dalam Bi1.2. Jun 2003. ms. 8 - 9.